

Tunggakan kutipan hasil negeri RM2b setahun

utusan 15/6
PUTRAJAYA 14 Jun - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, jumlah tunggakan kutipan hasil kerajaan-kerajaan negeri secara purata bagi tempoh 2011-2015 adalah melebihi RM2 bilion setahun.

Perdana Menteri berkata, Majlis Kewangan Negara yang bermesyuarat hari ini bersetuju bahawa kerajaan-kerajaan negeri perlu mengambil langkah proaktif secara berterusan untuk mengurangkan jumlah tunggakan tersebut.

Beliau yang juga Menteri Kewangan memberitahu, tunggakan kutipan hasil oleh kerajaan-kerajaan negeri turut berpunca daripada masalah lain termasuk air tidak berhasil (NRW) dan masalah perumahan awam yang tidak dibayar sewa.

"Antara inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan-kerajaan negeri untuk mengurangkan tunggakan kutipan hasil termasuk pemberian insentif pembayaran cukai awal seban-

yak 10 peratus serta penyediaan van kaunter hasil bergerak.

"Usaha semua kerajaan negeri dalam mengurangkan tunggakan hasil ini dapat dipantau dari semasa ke semasa dan dilaporkan kepada Majlis Kewangan Negara," katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Kewangan Negara di Kementerian Kewangan di sini hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri.

Dalam pada itu, Najib berkata, mesyuarat majlis itu juga bersetuju supaya Kerajaan Persekutuan menyediakan caruman sebanyak RM330 juta kepada Kumpulan Wang Rizab Negeri (KWRN) bagi tahun 2018.

Katanya, caruman berkenaan adalah bagi membiayai Pem-

berian Kepada Negeri-Negeri Yang Menghadapi Kekurangan Wang Dalam Akaun Mengurus dan membiayai Pemberian Berdasarkan Tahap Pembangunan, Ekonomi, Infrastruktur dan Kesejahteraan Hidup.

"Untuk rekod, caruman yang telah diluluskan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM580 juta manakala pada tahun 2017 sebanyak RM530 juta," katanya.

Sementara itu, Najib memberitahu, mesyuarat berkenaan juga bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pemulihan Pinjaman yang diterajui oleh Kementerian Kewangan dan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

"Terma rujukan yang telah digariskan adalah mengenal pasti pinjaman yang tertunggak dan mencadangkan tindakan penyelesaian.

"Di samping itu, jawatankuasa tersebut hendaklah memantau dan melaporkan kepada ahli

majlis berkenaan tindakan penyelesaian tunggakan pinjaman yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri," katanya.

Waktu Solat

Majlis Kewangan
Negara

SUBUH SYURUK ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

KUALA LUMPUR

dan kawasan sewaktu dengannya

5.41 7.04 1.17 4.42 7.26 8.41

PULAU PINANG

dan kawasan sewaktu dengannya

5.43 7.05 1.21 4.48 7.33 8.50

KUANTAN

dan kawasan sewaktu dengannya

5.36 7.00 1.11 4.37 7.19 8.34

JOHOR BAHRU

dan kawasan sewaktu dengannya

5.36 6.59 1.08 4.33 7.13 8.29

KUCHING

dan kawasan sewaktu dengannya

5.11 6.34 12.43 4.08 6.49 8.04